



## **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

#### *“Peranan Aktif Komuniti Boleh Mencegah Denggi”*

Dari bulan Januari hingga 26 April 2014, sejumlah 29,788 kes telah dilaporkan berbanding dengan hanya 7,912 kes bagi tempoh yang sama tahun 2013, peningkatan sebanyak 277 peratus. Untuk tempoh sama, jumlah keseluruhan kematian akibat denggi adalah sebanyak 66 kematian berbanding 15 kematian yang dilaporkan pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 340 peratus.

Pada minggu ke 17 iaitu dari 20 hingga 26 April 2014, sebanyak 974 kes Denggi dilaporkan berbanding 1,252 kes pada minggu sebelumnya dan ini menunjukkan penurunan sebanyak 22%. Pada masa ini secara keseluruhannya kes Denggi di seluruh negara menunjukkan tren penurunan.

Pada tempoh yang sama, sejumlah 241 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 11 negeri dan daripada jumlah tersebut, 30 lokaliti adalah merupakan lokaliti *hotspot* dan 15 lokaliti merupakan *wabak tak terkawal*.

Kementerian Kesihatan menyeru orang ramai supaya memberi kerjasama dalam aktiviti pencegahan dan kawalan Demam Denggi. Walaupun bilangan kes menunjukkan trend penurunan pada masa ini, orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak alpa dan sentiasa

menjaga dan memastikan persekitaran tempat tinggal, belajar dan bekerja adalah bebas dari menjadi punca pembiakan Aedes. Dengan perubahan cuaca yang tidak menentu, risiko penularan denggi juga boleh meningkat. Namun begitu, jika tiada tempat-tempat pembiakan Aedes, perubahan cuaca tidak akan memberi kesan kepada kejadian Demam Denggi. Oleh itu, hanya persekitaran yang bersih dan bebas dari tempat pembiakan Aedes sahaja yang dapat mencegah wabak Demam Denggi dari berlaku.

Pada 27 April 2014, Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat kebangsaan 2014 di kawasan perumahan Flat Jasmin Senawang, Seremban, Negeri Sembilan yang disempurnakan perasmiannya oleh YB Menteri Kesihatan dengan tema 'Gigitan Kecil, Ancaman Besar'. Melalui Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2014 tersebut, kesedaran komuniti tentang ancaman nyamuk Aedes dapat ditingkatkan serta mendorong mereka mengambil tindakan proaktif untuk mengelakkan risiko dijangkiti Demam Denggi. Di samping itu, pihak komuniti juga adalah digalakkan untuk menubuhkan pasukan COMBI (Communication For Behavioural Impact) iaitu 'Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku' di lokaliti perumahan masing-masing kerana ianya terbukti berkesan dalam mengurangkan kejadian kes dan wabak Denggi.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**28 April 2014**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2014  
(20 hingga 26 April 2014)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2014	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2013
		Minggu 17 (20 – 26 April 2014)	Minggu 16 (13 – 19 April 2014)		
1	Perlis	1	0	59	49
2	Kedah	15	15	237 (2)	247 (1)
3	P. Pinang	17	21	640 (3)	229
4	Perak	63	80 (1)	2,057 (6)	679
5	Selangor	577	762	16,874 (26)	3,403 (1)
6	WPKL & Putrajaya	80	88	2,577 (4)	622 (4)
7	N. Sembilan	18	44	1,476 (2)	166
8	Melaka	18	23	920 (3)	156
9	Johor	37	68	1,767 (12)	776 (6)
10	Pahang	22	17	393	182
11	Terengganu	4	9	273 (1)	69
12	Kelantan	85	91	1,718 (4)	469
13	Sarawak	18	14	378 (2)	608 (2)
14	Sabah	18	20 (1)	408 (1)	257 (1)
15	WP Labuan	1	0	11	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>974</b>	<b>1,252 (2)</b>	<b>29,788 (66)</b>	<b>7,912 (15)</b>

Nota: ( ) Kematian

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 26 April 2014 (Minggu 17)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	237	314
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	232	293
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jalan AA7/AA & AC7/AC & Jalan U7/U - Z7/Z)	90	212
4	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	54	154
5	SELANGOR	Hulu Langat	KUIS	26	97
6	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Cheras Utama	24	91
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Flat PKNS G (Blok 43-61 )	12	83
8	SELANGOR	Gombak	Flat Prima Selayang	13	67
9	SELANGOR	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	11	64
10	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Apartment Parmai	21	63
11	SELANGOR	Petaling	Bandar Puteri 7 (Teres)	20	62
12	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel GMI Bangi	23	60
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	13	57
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Alam Budiman ( Jalan Pulau Lumut)	36	56
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Pulau Angsa (Fasa 1) - Jln U10/16 - U10/29)	9	52
16	SELANGOR	Petaling	Taman Sg Besi Indah 2	5	51
17	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	9	49
18	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Kondo Palm Spring 1 (Blok A, B,& C)	16	49

19	SELANGOR	Petaling	USJ 11/2	16	49
20	SELANGOR	Gombak	Kip Sg Pusu	9	40
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Kwarters Polis (Blok 5 - Blok 12)	6	40
22	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 4 Gugusan Matahari	10	40
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 Uitm S.Alam Kolej Jati	7	40
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	8	38
25	SELANGOR	Petaling	PJU 9 SD 9	12	36
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres E	6	35
27	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Saujana Damansara	5	33
28	SELANGOR	Petaling	SS 22	5	33
29	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Taman Medan	7	32
30	KELANTAN	Kota Bharu	Lorong Huda	7	32